

Peneroka Felda dapat RM3,000 sebulan

S-11 29/9/08 M159

■ RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU - Peneroka Tanah Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dianggarkan memperoleh pendapatan purata lebih daripada RM3,000 sebulan bermula Januari hingga Ogos tahun ini.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor berkata, dalam tempoh tersebut purata pendapatan bersih setiap peneroka yang mengusahakan kelapa sawit sekitar RM3,685 sebulan manakala tanaman getah pula sebanyak RM3,500.

“Purata pendapatan bulanan ini bagi peneroka yang bersama (menjual kelapa sawit dan getah) kepada Felda, bagi yang tidak bersama (tidak menjualnya kepada) Felda, pendapatan mereka jauh lebih rendah,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sumbangan Insentif Hari Raya dan Penyampaian Sijil Tamat Kursus Insentif Bahasa Inggeris 2008 yang diadakan di Hotel Felda Residence Kuala Terengganu, di sini, malam semalam.

Pada majlis tersebut seramai 7,462 peneroka Felda di Terengganu menerima insentif hari raya masing-masing sebanyak RM400 dan RM200 setiap seorang memabitkan peruntukkan berjumlah RM2.8 juta.



Mohd Yusof (kanan) berkata sesuatu kepada ketua peneroka Felda Wilayah Terengganu selepas menyampaikan insentif hari raya di Hotel Felda Residence Kuala Terengganu, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata, jumlah pendapatan bulanan tersebut meningkat berbanding tahun sebelumnya walaupun harga bahan komoditi berkenaan di pasaran tidak tetap dan sentiasa berubah.

Katanya, jumlah tersebut hanya melibatkan sektor perladangan semata-mata dan bagi peneroka yang turut mencurahkan diri dalam bidang lain seperti perniagaan, pendapatan bulanan mereka sudah pasti jauh lebih tinggi.

Bagi membantu peneroka dalam bidang perniagaan, beliau berkata, Felda menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta setahun untuk melahirkan usahawan dalam kalangan peserta tanah rancangan itu.

“Kita juga dapati peneroka yang menjual hasil ladang kepada pihak lain, tidak kepada Felda, jumlah pendapatan diperoleh jauh lebih rendah, kita sedang mengumpul data lebih lengkap mengenai perkara ini,” katanya.